

22/06/1999

MCA bersedia hadapi pilihan raya

KUALA LUMPUR, Isnin - Jentera MCA termasuk cawangan dan bahagian di seluruh negara sudah bersiap sedia untuk digerakkan bagi menghadapi pilihan raya umum pada bila-bila masa.

Setiausaha Agungnya, Datuk Dr Ting Chew Peh, berkata MCA juga menubuhkan jawatankuasa petugas di peringkat kebangsaan untuk membantu Barisan Nasional (BN) menghadapi kempen pilihan raya.

"Bilik operasi akan ditubuhkan sebaik saja Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengumumkan tarikh pilihan raya umum," katanya selepas majlis Anugerah Khidmat Cemerlang 1998 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa di sini, hari ini.

"Sebagai parti komponen BN, kita perlu bekerja keras," katanya.

(END)